



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1776**

**AKTA SURUHANJAYA TENAGA (PINDAAN) 2025**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	31 Oktober 2025
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	18 November 2025

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1776

### AKTA SURUHANJAYA TENAGA (PINDAAN) 2025

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pindaan seksyen 14**

2. Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [*Akta 610*] dipinda dalam subseksyen 14(1)—

(a) dalam perenggan (*n*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (n) perenggan yang berikut:

“(na) menjalankan fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan pengimportan elektrik dan pengeksportan elektrik; dan”.